

ENDORSEMENT

Attached to and forming part of the master policy for **Cash Plus Assurance, Master Policy No. CPA0613** (hereinafter called the "Master Policy").

Notwithstanding anything to the contrary contained in the above-mentioned Master Policy, it is hereby understood and agreed that with effect from 1 January 2015, the following provisions will be revised and amended as follows:

Annexure CPA002 – General conditions

1. Definitions – The definition of 'Policy' under clause 1.1 (c) will be deleted in its entirety.
2. Master policy – The description of 'Master policy' under clause 2 will be deleted in its entirety and replaced with the following new clause:
 - 2.1 This policy is issued in consideration of the life assured's proposal form and the payment of premium as shown in the certificate of insurance and pursuant to:
 - (a) the answers given by the life assured in the proposal form or any subsequent questionnaires given by us on any matters relating to the proposal and any disclosures made by the life assured between the time of submission of the proposal and the time the certificate of insurance is entered into; and
 - (b) medical reports and any other reports and questionnaires;
(collectively referred to as 'the material information')and such material information shall form part of this master policy between us and you and/or the life assured. However, in the event of any pre-contractual misrepresentation made in relation to such material information, only the remedies in Schedule 9 of the Financial Services Act 2013 will apply.
 - 2.2 If the life assured is required by us, before the certificate of insurance is varied, to answer any questions or if he/she is required to confirm or amend any matter previously disclosed by him/her to us in relation to the certificate of insurance, it is the life assured's duty to take reasonable care not to make a misrepresentation when answering the questions or confirming or amending any matter previously disclosed.
 - 2.3 The life assured must inform us of any change to the information given to us in his/her answers or in respect of any matter previously disclosed to us in relation to the certificate of insurance if such changes had taken place after the life assured has submitted the application for variation but before the certificate of insurance is varied.
3. New clauses – The following new clauses will be added into this provision:
 26. Tax
 - 26.1 All taxes, including without limitation any goods and services tax, and/or other forms of sales or consumption tax, whether currently in force or implemented after the date of the certificate of insurance will be charged in accordance with the applicable legislation at the prevailing rate. Where necessary, we will amend the terms of this master policy to take into account any such tax.

27. United States Foreign Account Tax Compliance Act (FATCA)

27.1 If the life assured has a U.S. indicia, the life assured agree to provide us with such information, consent and/or assistance as we may from time to time reasonably request, to allow us to comply with the United States Foreign Account Tax Compliance Act (FATCA). This request includes but is not limited to any required reporting to the U.S. Internal Revenue Service of information relating to the life assured or beneficiaries in connection with the certificate of insurance. If the life assured does not provide such information, consent and/or assistance as mentioned above, we reserve the right and shall be entitled to take the necessary action to be in compliance with FATCA which may include submitting the necessary reports, suspending the certificate of insurance, withholding the necessary monies to be remitted, terminating the certificate of insurance and returning the cash value (if any) less any indebtedness without interest in the event of such termination.

27.2 For the purpose of this master policy, the definition of U.S. indicia will be as that is stated by the U.S. Internal Revenue Service (IRS) through their website at www.irs.gov, or any subsequent revision by the IRS of that definition.

Annexure CPA004 – Benefit conditions – Total and permanent disability (TPD) benefit (own and similar occupation)

1. Total and permanent disability benefit – The following new clause will be added to clause 1.1:

1.1 This benefit applies only if the life assured suffers the TPD as defined below, while the certificate of insurance is in force, and the TPD begins on or after the certificate commencement date.

All other provisions and conditions of the Master Policy shall remain unchanged.

PENGENDORSAN

Disertakan bersama dan menjadi sebahagian daripada polisi induk untuk **Cash Plus Assurance, No. Polisi Induk CPA0613** (selepas ini dirujuk sebagai "Polisi Induk").

Meskipun terdapat apa-apa yang bertentangan dengan kandungan dalam Polisi Induk yang dinyatakan di atas, adalah dengan ini difahami dan dipersetujui bahawa efektif dari 1 Januari 2015, peruntukan-peruntukan di bawah akan dipinda:

Lampiran CPA002 – Peruntukan am

1. Takrifan – Takrifan untuk 'Polisi' di bawah klausa 1.1 (c) akan dibatalkan keseluruhannya.
2. Polisi induk – Penerangan untuk 'Polisi induk' di bawah klausa 2 akan dibatalkan keseluruhannya dan digantikan dengan klausa baru yang berikut:
 - 2.1 Polisi ini dikeluarkan sebagai balasan bagi borang cadangan orang yang diinsuranskan dan pembayaran premium seperti yang tertera dalam sijil insurans dan adalah menurut:
 - (a) jawapan yang diberikan oleh orang yang diinsuranskan dalam borang cadangan atau sebarang soal selidik berikutnya yang kami berikan atas apa-apa perkara berkaitan dengan cadangan tersebut dan sebarang pendedahan yang dibuat oleh orang yang diinsuranskan di antara waktu serahan borang cadangan tersebut dengan waktu sijil insurans dibuat; dan
 - (b) laporan perubahan dan sebarang laporan dan soal selidik yang lain;

(secara kolektif dirujuk sebagai 'maklumat penting')dan maklumat penting tersebut akan menjadi sebahagian daripada polisi induk antara kami dengan anda dan/atau orang yang diinsuranskan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat apa-apa salah nyataan prakontrak yang berkaitan dengan maklumat penting telah dibuat, hanya remedi di bawah Jadual 9 dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan dikenakan.
 - 2.2 Jika kami memerlukan orang yang diinsuranskan, sebelum sijil insurans beliau diubah, untuk menjawab sebarang soalan atau jika beliau dikehendaki untuk mengesahkan atau meminda apa-apa perkara berkaitan sijil insurans tersebut yang sebelum ini didedahkan oleh beliau kepada kami, ia adalah tanggungjawab orang yang diinsuranskan untuk mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang didedahkan sebelum ini.
 - 2.3 Orang yang diinsuranskan mesti memaklumkan kami sebarang perubahan berkaitan dengan maklumat yang telah diberikan kepada kami dalam jawapan beliau atau sebarang perkara yang sebelum ini didedahkan kepada kami berhubung dengan sijil insurans jika perubahan tersebut telah berlaku selepas orang yang diinsuranskan mengemukakan permohonan bagi perubahan tetapi sebelum sijil insurans diubah.
3. Klausa-klausa baru – Klausa-klausa baru yang berikut akan ditambah dalam peruntukan ini:
 26. Cukai
 - 26.1 Semua cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai barangan dan perkhidmatan, dan/atau lain-lain bentuk cukai jualan atau kepenggunaan, sama ada

yang berkuatkuasa pada masa ini atau dilaksanakan selepas tarikh sijil insurans akan dikenakan mengikut undang-undang yang berkenaan pada kadar semasa. Jika perlu, kami akan meminda terma-terma polisi induk ini untuk mengambil kira cukai-cukai sedemikian.

27. *Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat (FATCA)*

27.1 *Sekiranya orang yang diinsuranskan mempunyai indicia Amerika Syarikat dan gagal memberikan maklumat, kebenaran dan/atau bantuan yang mungkin kami perlukan dari semasa ke semasa untuk membolehkan kami mematuhi kewajipan kontraktual, undang-undang atau kawal selia di bawah Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat (FATCA), termasuk sebarang laporan kepada U.S. Internal Revenue Service (Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri Amerika Syarikat) mengenai maklumat berkaitan dengan orang yang diinsuranskan atau waris yang berkaitan dengan sijil insurans, kami berhak untuk mengambil tindakan yang sepatutnya yang mana mungkin termasuk menyerahkan laporan yang sepatutnya, menggantung sijil insurans, menahan wang yang perlu dikirimkan, menamatkan sijil insurans dan memulangkan nilai tunai (jika ada) tolak sebarang keterhutangan tanpa faedah sekiranya penamatan tersebut berlaku.*

27.2 *Untuk tujuan polisi induk ini, takrifan indicia Amerika Syarikat adalah seperti yang dinyatakan oleh U.S. Internal Revenue Service (IRS) melalui laman web mereka di www.irs.gov, atau apa-apa semakan mengenai takrifan selepas itu oleh IRS.*

Lampiran CPA004 – Peruntukan manfaat – Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) (pekerjaan sendiri dan seumpamanya)

1. *Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal – Klausa baru yang berikut akan ditambah dalam klausa 1.1:*

1.1 *Manfaat ini hanya akan berkuatkuasa jika orang yang diinsuranskan mengalami TPD sebagaimana ditakrifkan di bawah, sewaktu sijil insurans berkuatkuasa, dan TPD bermula pada atau selepas tarikh permulaan sijil.*

Tiada perubahan lain dibuat atas peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat dalam Polisi Induk ini.

NOTICE / NOTIS

CHANGE OF NAME / *PENUKARAN NAMA*

Please be informed that we have changed our Company name to **Sun Life Malaysia Assurance Berhad** with effect from 19 August 2013.

*Sila maklum bahawa kami telah menukar nama Syarikat kami ke **Sun Life Malaysia Assurance Berhad** berkuatkuasa 19 Ogos 2013.*

CIMB AVIVA

CIMB AVIVA ASSURANCE BERHAD

MASTER POLICY

CASH PLUS ASSURANCE

CONTENTS

<u>Section</u>	<u>Title</u>	<u>Page</u>
Annexure CPA001	Master policy schedule	2
Annexure CPA002	General conditions	3
Annexure CPA003	Benefits conditions – Death benefit	8
Annexure CPA004	Benefits conditions – Total and permanent disability (TPD) benefit (own and similar occupation)	9
Annexure CPA005	Appendix – Reducing sum assured formula	12

ANNEXURE CPA002

General conditions

1. Definition

1.1 In this policy, the following words and phrases have meanings given next to them:

- a) **We, us** or **our** means CIMB Aviva Assurance Berhad.
- b) **You** or **your** means the master policy owner as stated in the master policy schedule.
- c) **Policy** means this policy document including the certificate of insurance and any statements to our medical or paramedical examiners, questionnaires, endorsements or written amendments.
- d) **Certificate anniversary** means the anniversary of the certificate commencement date.
- e) **Certificate commencement date** means the date the certificate commences shown in the certificate of insurance. This date will be the date the coverage starts.
- f) **Certificate of insurance** means the individual certificate issued to each life assured as evidence of coverage.
- g) **Life assured** means a person whom we provide insurance coverage as named in the certificate of insurance.
- h) **Pre-existing condition** means any injury, illness, condition or symptom that existed during the 12 months prior to the certificate commencement date, for which:
 - i. treatment, medication, advice or diagnosis has been sought or received;
 - ii. an ordinary and prudent person with such injury, illness, condition or symptom would have sought advice or treatment in connection with his/her health; or
 - iii. the life assured knew existed, whether or not treatment, medication, advice or diagnosis was sought or received.
- i) **Insurance benefit** means the benefit due for the death of or total and permanent disability suffered by a life assured. We work out the amount of it based on the reducing sum assured formula (as stated in the annexure CPA005).

2. Master policy

- 2.1 We rely on the truth of statements made in the application, declaration, personal statements and any statements to us, agent, and/or staff.
- 2.2 The conditions and endorsements in this policy, policy schedule, certificate of insurance, annexures, any attachments, the application, personal statements and the declaration you and the life assured (if other than you) have made form the basis of the policy.

3. Eligibility

- 3.1 You may allow anyone who owes you money under a loan facility to take part in this plan under the master policy. However, they must be at least 21 and not older than 60 on their last birthday.
- 3.2 An eligible person must meet any conditions we set. They will become a life assured if we approve their application form.
- 3.3 If you have paid a premium for a person who is not eligible or whom we have rejected, we will not provide any coverage for them under this master policy and we will refund the premium you have paid for them.

4. Taking part in the plan

- 4.1 We may need more information or documents for any life assured who is insured under this master policy.
- 4.2 The amount of insurance benefit we will pay for each life assured under this plan may be different from the amount they owe you under their loan facility with you. This would be due to the fact that we work out and decide on the amount of insurance benefit due based on the reducing sum assured formula (as stated in the annexure CPA005). However, the amount they owe you under the loan facility will depend on factors you have decided which may not be the same as the ones we have used.

5. Effective date of each life assured

- 5.1 The insurance coverage of a life assured will begin on the commencement date as stated in the certificate of insurance for which we are granting insurance coverage under this master policy.

6. Evidence of insurability

- 6.1 We need satisfactory health declaration and we can reject any application if we do not receive satisfactory health declaration.

7. Changing the policy

- 7.1 No agent or any other person has the authority to change, or decide not to enforce, any conditions or clauses of this policy, except by a policy endorsement issued and signed by our authorised officer.

8. Free look period (cancellation period)

- 8.1 Within 15 days of us delivering the certificate of insurance, the life assured may cancel it by giving the master policy owner notice in writing and return the certificate to us.
- 8.2 We will refund any premium we have received without interest.

9. Incontestability clause (not challenging the certificate)

- 9.1 If the certificate of insurance is no longer valid, for reasons other than fraud, we will refund the premium paid from the certificate commencement date.
- 9.2 We will not be able to challenge the certificate after it has been in force for 2 years from the certificate commencement date, unless there is evidence of fraud.

10. Ability to travel and any restrictions on where the life assured lives

- 10.1 This policy does not restrict the life assured from travelling and is not affected by where they live.

11. Ownership

- 11.1 You are the legal owner of this policy.
- 11.2 You may use all the rights and options that this policy provides.

12. Age

- 12.1 The certificate of insurance is issued for the age of the life assured as shown in the certificate of insurance, based on the date of birth given upon application. We will need proof of the life assured's age before we pay any benefits.
- 12.2 If the premium based on the correct age of the life assured is higher than the premium paid, then we will reduce the sum assured in line with the premium received.
- 12.3 If the premium based on the correct age is lower than the premium paid, then we will refund the difference to you.
- 12.4 If the age of the life assured has been given incorrectly and they are not eligible for the insurance coverage, we will not pay any benefit and the coverage will end. We will refund the premium received without interest for the period they were not eligible for assurance.

13. Paying the premium

- 13.1 Single premium will be deducted from the loan amount. We will issue the certificate of insurance in return for the premium received.

14. Cash value

- 14.1 This policy will acquire cash value as determined by us.

15. If this policy takes part in our profits

- 15.1 This policy does not benefit from any of our profits. This is a non-participating policy.

16. Reinsurance

16.1 We will arrange for reinsurance with another company if we feel this is necessary.

17. Surrender (giving up the certificate)

17.1 To cancel or surrender a certificate, life assured will have to submit a written notification to the master policy owner.

17.2 You may give up the cover for a life assured by giving us notice in writing.

17.3 The amount of cash value, if any, will be based on the formula determined by us.

17.4 If the cash value is RM20 or less, we will not make any payment as you and the life assured have given up the rights over the cash value. When we do this, we will have no other legal responsibility for the claim or benefit due under this certificate.

18. Termination

18.1 You or we may terminate this policy by giving a 3-month written notice. However, the coverage for each life assured shall continue until the expiry date as stated in the certificate of insurance.

18.2 The certificate of insurance will end in the following circumstances:

- a) On the date we approve and pay the death or TPD benefit as we have said under the benefit conditions in the annexures in this policy;
- b) When the life assured ceases to be eligible under this policy;
- c) On the expiry date as shown in the certificate of insurance;
- d) Upon surrender of certificate requested by life assured; or
- e) Upon cancellation of certificate requested by life assured.

19. Laws

19.1 This policy and our responsibilities under this policy are governed by the laws, rules and regulations currently in force in Malaysia. The laws, rules and regulations will include but are not limited to any circulars, directives or guidelines.

19.2 Ignoring anything different we may say in this policy, if there is a difference between the conditions of this policy and any law, rule or regulation, the law, rule or regulation will apply.

19.3 This policy will be governed by the laws of Malaysia. Any dispute will be dealt with by the courts of Malaysia.

20. Breaking the conditions

20.1 If anyone involved in this policy knows about, or allows anyone breaking any condition of this policy, or allows anyone to break any condition, it will not mean it cannot be enforced in the future.

20.2 Ignoring this, you and we can enforce our rights under this policy and insist that the other keeps to the conditions.

21. Paying benefits

21.1 We will pay all the benefits due to you. You will firstly apply the benefit to pay for any amount owed to you by the life assured. You will pay the benefit in excess of the amount the life assured owes you, to the life assured if living; otherwise to the estate of the life assured. When we do this, we will have no other legal responsibility for the claim or benefit due under this policy.

22. Rights and using amounts owed

22.1 We have the first right to any amount due under the certificate of insurance.

22.2 We can offset any amount we owe you (for example benefits) under the certificate of insurance with any amount you owe us (for example premiums) under the certificate of insurance.

23. Interpretation

23.1 In this policy, unless the context requires:

- a) the headings in the policy are inserted for convenience only and shall not affect its construction.
- b) the singular words shall include the plural and vice-versa.
- c) the words that refer to a gender shall include every gender.

23.2 Each condition of this policy is separate from the others. If any condition is not valid or cannot be enforced, it will not affect the other conditions.

24. Notice of claim

24.1 If you or your legal representative makes a claim, you or your legal representative must give us written notice of the claim at our head office within 30 days from the date the covered event happened.

25. Proof of claim

25.1 You or your legal representative must send us proof of your claim within 30 days from the date of giving us notice. You or your legal representative must also pay any costs involved in doing this.

25.2 We can also ask for more medical reports or evidence.

25.3 As a part giving us proof, we may need the life assured to be examined by our medical examiners. We will pay for this medical examination. We will tell the life assured if this is needed.

ANNEXURE CPA003

Benefits conditions – Death benefit

1. Death benefit

- 1.1 Depending on the general conditions, if, while the certificate of insurance is in force, we receive satisfactory proof of the death of the life assured due to any cause other than the excluded risks as stated below, we shall pay the insurance benefit in 1 lump sum as at the date of death of the life assured.
- 1.2 The certificate will end when the life assured dies.

2. Risks not covered

- 2.1 We will only refund the premium paid, without interest and the certificate will be terminated in the following circumstances:
 - a) If the life assured dies due to suicide (while sane or insane) within 12 months from the certificate commencement date; or
 - b) If the life assured dies due to pre-existing condition within 12 months from the certificate commencement date.

3. Ending the benefit

- 3.1 This benefit will end at the earliest of the following circumstances:
 - a) On the date we approve and pay this benefit;
 - b) When the life assured ceases to be eligible under this policy;
 - c) On the expiry date as shown in the certificate of insurance;
 - d) Upon surrender of certificate requested by life assured; or
 - e) Upon cancellation of certificate requested by life assured.

ANNEXURE CPA004

Benefits conditions – Total and permanent disability (TPD) benefit (own and similar occupation)

1. Total and permanent disability benefit

- 1.1 Depending on the general conditions, if, while the certificate of insurance is in force, we receive satisfactory proof that the life assured has suffered from total and permanent disability (TPD) due to any cause other than the excluded risks as stated below, we shall pay the insurance benefit in 1 lump sum as at the date of TPD occurrence on the life assured.
- 1.2 The maximum aggregate amount for TPD benefit payable to the life assured under this and all other individual and group policies/certificates issued by us shall not exceed RM2,000,000.
- 1.3 If the TPD benefit payable due is less than the reducing sum assured for death benefit, on the date the TPD begins, the insurance coverage on death shall continue. We will reduce the sum assured for all future duration. This will apply from the date the TPD begins.

2. Definition of total and permanent disability (own and similar occupation)

- 2.1 To be entitled to this benefit, 2 of our medical examiners must believe that the life assured's disability comes within the definition of TPD as shown below:

2.1.1 If the life assured is working or operating their own business

If the life assured is between the ages of 18 and 65 (inclusive), working for money or operating their own business, they would be totally and permanently disabled if they are totally and permanently unable to do their job, occupation or profession for which they are reasonably fitted by reason of training, education or experience. The disability must last for at least 6 months.

2.1.2 If the life assured is unemployed or not operating their own business

If the life assured is between the ages of 18 and 65 (inclusive) and at the time of suffering the disability is not in paid work or operating their own business or is a housewife, we consider TPD to be the inability to carry out at least 3 out of the 6 activities of daily living (as shown below) without the help of another person. The disability must last for at least 6 months.

- a) Transfer – Getting in and out of a chair without help;
- b) Mobility – The ability to move from room to room without help;
- c) Continence – The ability to voluntarily control bowel and bladder functions;
- d) Dressing – Putting on and taking off all necessary items of clothing without help;
- e) Bathing and washing – The ability to wash in the bath or shower (including getting in or out of the bath or shower) or wash by any other means; or
- f) Eating – All tasks of getting food into the body once it has been prepared.

2.1.3 TPD for this clause also includes the following:

- a) Total and permanent loss of sight of both eyes;
- b) Loss of 2 limbs at or above the wrist or ankle;
- c) Total and permanent loss of sight of 1 eye and loss of 1 limb at or above the wrist or ankle; or
- d) Permanent total paralysis.

3. Risks not covered

3.1 We will not pay the benefit if the TPD resulted directly or indirectly from, or as a result of the following:

- a) Strike, riot, civil commotion, rebellion, war (whether declared or not);
- b) Being under the influence of intoxicating liquor, intoxicating substance, any narcotic or drug;
- c) Attempted suicide (whether sane or insane), immorality or intentional self-injury (whether sane or insane);
- d) Entering, operating or servicing, ascending or descending from or with any aerial device or conveyance except while the life assured is in an aircraft operated by a commercial passenger airline on a regular schedule passenger trip over its established passenger route;
- e) Involvement in a breach of criminal law (unless as an innocent party) or membership of any illegal organisation;
- f) Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS) or related complexes/conditions; or
- g) Pre-existing condition within the first 12 months from the certificate commencement date.

4. Notice of claim

4.1 We must receive written notice of claim:

- a) at our head office;
- b) during the life assured's lifetime;
- c) during the life assured's disability; and
- d) within 30 days of the start of the disability.

5. Proof of disability

5.1 You must give us proof of TPD before we consider this claim. You must pay any costs involved in this.

- 5.2 We will not consider any disability which lasts less than 6 months.
- 5.3 We may ask for proof that the TPD is total and permanent. We may do this at reasonable intervals.
- 5.4 As part of giving us proof, we may need the life assured to be examined by our medical examiners. We will pay for this medical examination. We will tell the life assured if this is needed.

6. Ending the benefit

- 6.1 This benefit will end at the earliest of the following circumstances:
 - a) Upon death of the life assured;
 - b) On the date we approve and pay this benefit, if it is equal to the reducing sum assured for death benefit. In case the TPD benefit payable is less than the reducing sum assured, the certificate will not terminate but death coverage will continue;
 - c) When the life assured ceases to be eligible under this policy;
 - d) On the expiry date as shown in the certificate of insurance;
 - e) Upon surrender of certificate requested by life assured;
 - f) Upon cancellation of certificate requested by life assured; or
 - g) Upon certificate monthly anniversary immediately after the life assured's attainment of age 65 years old.

ANNEXURE CPA005

Appendix – Reducing sum assured formula

$$RSA(t) = SA \times \left[\left(1 + il \times \left(\frac{n}{12} \right) - P(t) - R(t) \right) \right]$$

where:

$$i) \quad P(t) = \frac{\left(1 + il \times \left(\frac{n}{12} \right) \right)}{n} \times (t - 1)$$

$$ii) \quad R(t) = \left(\frac{(n - (t - 1)) \times (n + 1 - (t - 1))}{n \times (n + 1)} \right) \times il \times \left(\frac{n}{12} \right)$$

Definitions:

n	=	repayment period in months
il	=	loan interest rate
SA	=	initial loan amount
$RSA(t)$	=	reducing sum assured amount in month t
t	=	curtate duration in months
$P(t)$	=	total monthly installments at month t
$R(t)$	=	rebate factor at month t

CIMB AVIVA

CIMB AVIVA ASSURANCE BERHAD

POLISI INDUK

CASH PLUS ASSURANCE

KANDUNGAN

<u>Bahagian</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Muka surat</u>
Lampiran CPA001	Jadual polisi induk	2
Lampiran CPA002	Peruntukan am	3
Lampiran CPA003	Peruntukan manfaat – Manfaat kematian	9
Lampiran CPA004	Peruntukan manfaat – Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) (pekerjaan sendiri dan seumpamanya)	10
Lampiran CPA005	Lampiran – Formula pengurangan jumlah yang diinsuranskan	13

LAMPIRAN CPA002

Peruntukan am

1. Takrifan

- 1.1 Di dalam polisi ini, perkataan dan frasa berikut membawa maksud yang diberikan di sebelahnya:
- a) **Kami** bermaksud CIMB Aviva Assurance Berhad.
 - b) **Anda** bermaksud pemilik polisi induk seperti yang tertera di dalam jadual polisi induk.
 - c) **Polisi** bermaksud dokumen polisi ini termasuk sijil insurans dan sebarang penyata kepada pemeriksa perubatan atau paramedik kami, soal selidik, pengendorsan atau pindaan bertulis.
 - d) **Ulang tahun sijil** bermaksud ulang tahun tarikh permulaan sijil.
 - e) **Tarikh permulaan sijil** bermaksud tarikh sijil bermula seperti yang tertera di dalam sijil insurans. Tarikh ini adalah tarikh yang mana perlindungan bermula.
 - f) **Sijil insurans** bermaksud sijil individu yang dikeluarkan kepada setiap orang yang diinsuranskan sebagai bukti perlindungan.
 - g) **Orang yang diinsuranskan** bermaksud orang yang dilindungi sebagaimana yang dinamakan di dalam sijil insurans.
 - h) **Keadaan sedia ada** bermaksud sebarang kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala yang sedia ada di dalam tempoh 12 bulan sebelum tarikh permulaan sijil, di mana:
 - i. rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis telah pun didapatkan atau diterima;
 - ii. seseorang biasa dan waras yang mengalami sebarang kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala sewajarnya mendapatkan nasihat ataupun rawatan yang sepatutnya untuk kesihatannya; atau
 - iii. kewujudannya telah anda ketahui, sama ada atau tidak rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis telah pun didapatkan atau diterima.
 - i) **Manfaat insurans** bermaksud manfaat yang perlu dibayar apabila berlaku kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal ke atas orang yang diinsuranskan. Kami menentukan amaun tersebut berdasarkan formula pengurangan jumlah yang diinsuranskan (seperti yang dinyatakan dalam lampiran CPA005).

2. Polisi induk

- 2.1 Kami bergantung kepada kebenaran kenyataan yang dibuat semasa permohonan, perakuan, kenyataan peribadi dan sebarang kenyataan yang dibuat kepada kami, ejen, dan/atau kakitangan.
- 2.2 Peruntukan-peruntukan dan pengendorsan di dalam polisi ini, jadual polisi, sijil insurans, lampiran-lampiran, sebarang penambahan, permohonan, kenyataan peribadi dan perakuan yang telah dibuat oleh anda dan orang yang diinsuranskan (jika selain daripada anda) membentuk asas polisi ini.

3. Kelayakan

- 3.1 Anda boleh membenarkan sesiapa yang terhutang kepada anda dalam kemudahan pinjaman untuk menyertai pelan ini di bawah polisi induk. Walau bagaimanapun, mereka hendaklah berumur sekurang-kurangnya 21 tahun dan tidak melebihi 60 tahun pada hari lahir terakhir.
- 3.2 Orang yang layak mestilah memenuhi sebarang syarat yang kami tetapkan. Mereka akan menjadi orang yang diinsuranskan sekiranya kami meluluskan borang permohonan mereka.
- 3.3 Jika anda telah membayar premium untuk orang yang tidak layak atau yang telah kami tolakkan, kami tidak akan menawarkan perlindungan untuk mereka di bawah polisi induk ini dan kami akan mengembalikan premium yang telah anda bayar bagi mereka.

4. Menyertai pelan

- 4.1 Kami mungkin memerlukan dokumen atau maklumat tambahan untuk mana-mana orang yang diinsuranskan yang dilindungi di bawah polisi induk ini.
- 4.2 Amaun manfaat insurans yang akan kami bayar untuk setiap orang yang diinsuranskan di bawah pelan ini mungkin berbeza daripada amaun yang mereka terhutang kepada anda di bawah kemudahan pinjaman mereka dengan anda. Ini disebabkan kami mengira dan menentukan amaun manfaat insurans yang perlu dibayar berdasarkan formula pengurangan jumlah yang diinsuranskan (seperti yang dinyatakan dalam lampiran CPA005). Namun, amaun yang mereka terhutang kepada anda di bawah kemudahan pinjaman mereka sebaliknya bergantung kepada faktor yang anda tentukan, dan mungkin berlainan daripada faktor yang kami gunakan.

5. Tarikh berkuatkuasa setiap ahli

- 5.1 Perlindungan insurans setiap ahli akan berkuatkuasa pada tarikh permulaan seperti yang tertera di dalam sijil insurans yang mana kami memberikan perlindungan insurans selaras dengan polisi induk ini.

6. Bukti insurabiliti

- 6.1 Kami memerlukan pengakuan kesihatan yang memuaskan oleh ahli dan kami boleh menolak mana-mana permohonan jika kami tidak menerima pengakuan kesihatan yang memuaskan.

7. Perubahan kepada polisi

- 7.1 Tiada ejen atau mana-mana individu lain mempunyai kuasa untuk meminda, atau mengambil keputusan untuk tidak menguatkuasakan, sebarang peruntukan atau klausa yang terkandung di dalam polisi ini, kecuali apabila pengendorsan polisi dikeluarkan dan ditandatangani oleh pegawai kami yang diberi kuasa.

8. Tempoh semakan percuma (tempoh pembatalan)

- 8.1 Orang yang diinsuranskan boleh membatalkan sijil insurans dalam masa 15 hari selepas sijil insurans dihantar dengan memberi notis bertulis dan mengembalikan sijil insurans kepada kami.
- 8.2 Kami akan membayar balik sebarang premium yang telah kami terima tanpa faedah.

9. Klausula perihal tidak boleh dipertikaikan (tidak mencabarkan sijil insurans)

- 9.1 Jika sijil insurans tidak lagi sah, atas sebab selain daripada penipuan, kami akan membayar balik premium yang telah dibayar dari tarikh permulaan sijil.
- 9.2 Kami tidak boleh mempertikaikan sijil selepas ia telah berkuatkuasa selama 2 tahun dari tarikh permulaan sijil, kecuali terdapat bukti penipuan.

10. Kemampuan untuk melakukan perjalanan dan sebarang sekatan ke atas lokasi tempat kediaman orang yang diinsuranskan

- 10.1 Polisi ini tidak menyekat orang yang diinsuranskan daripada melakukan sebarang perjalanan dan tidak dijejaskan oleh lokasi tempat tinggalnya.

11. Hak milik

- 11.1 Anda adalah pemilik sah polisi ini.
- 11.2 Anda boleh menggunakan semua hak dan pilihan yang disediakan oleh polisi ini.

12. Umur

- 12.1 Sijil insurans dikeluarkan untuk umur orang yang diinsuranskan seperti yang tertera di dalam jadual polisi, berdasarkan tarikh lahir yang diberikan semasa permohonan. Kami perlu mendapatkan bukti umur orang yang diinsuranskan sebelum kami membayar sebarang manfaat.
- 12.2 Jika premium berdasarkan umur sebenar adalah lebih tinggi daripada premium yang dibayar, kami akan mengurangkan jumlah yang diinsuranskan sejajar dengan premium yang telah diterima.
- 12.3 Jika premium berdasarkan umur sebenar adalah lebih rendah daripada premium yang dibayar, kami akan mengembalikan perbezaannya kepada anda.
- 12.4 Jika umur orang yang diinsuranskan yang dinyatakan tidak betul dan mereka tidak layak untuk perlindungan insurans, kami tidak akan membayar sebarang manfaat dan perlindungan akan tamat. Kami akan mengembalikan premium tanpa faedah untuk tempoh di mana mereka tidak layak untuk perlindungan.

13. Membayar premium

- 13.1 Premium tunggal akan ditolak daripada amaun pinjaman. Kami akan mengeluarkan sijil insurans apabila premium diterima.

14. Nilai tunai

- 14.1 Polisi ini memperolehi nilai tunai sebagaimana yang ditentukan oleh kami.

15. Jika polisi ini berkongsi keuntungan dengan kami

15.1 Polisi ini tidak mendapat sebarang faedah daripada keuntungan kami. Ia adalah polisi tanpa penyertaan.

16. Insurans semula

16.1 Kami akan menguruskan insurans semula dengan syarikat lain jika kami rasakan perlu.

17. Pembatalan (menyerahkan polisi)

17.1 Untuk membatalkan atau menyerahkan sijil, orang yang diinsuranskan perlu memberi notis bertulis kepada pemilik polisi induk.

17.2 Anda boleh menyerahkan perlindungan untuk orang yang diinsuranskan dengan memberikan kami notis bertulis.

17.3 Amaun nilai tunai, jika ada, akan bergantung kepada formula yang kami gunakan.

17.4 Jika nilai tunai adalah RM20 atau kurang, kami tidak akan membuat sebarang bayaran sebagaimana anda dan orang yang diinsuranskan telah melepaskan hak mereka ke atas nilai tunai tersebut. Apabila kami berbuat demikian, kami tidak akan mempunyai tanggungjawab undang-undang lain bagi tuntutan atau manfaat yang perlu dibayar di bawah sijil ini.

18. Penamatan

18.1 Anda atau kami boleh menamatkan polisi ini dengan memberi 3-bulan notis bertulis. Walau bagaimanapun, perlindungan untuk setiap orang yang diinsuranskan akan berterusan sehingga tarikh tamat sijil seperti yang tertera di dalam sijil insurans.

18.2 Sijil insurans akan tamat dalam keadaan yang berikut:

- a) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat kematian atau TPD seperti yang kami nyatakan dalam peruntukan-peruntukan manfaat dalam lampiran polisi ini;
- b) Apabila kelayakan orang yang diinsuranskan di bawah polisi ini dihentikan;
- c) Pada tarikh tamat seperti yang tertera di dalam sijil insurans;
- d) Atas permintaan orang yang diinsuranskan untuk menyerahkan sijil; atau
- e) Atas permintaan orang yang diinsuranskan untuk membatalkan sijil.

19. Undang-undang

19.1 Polisi ini dan tanggungjawab kami di bawah polisi ini adalah tertakluk kepada undang-undang, syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa di Malaysia. Undang-undang, syarat-syarat dan peraturan-peraturan akan meliputi tetapi tidak terhad kepada mana-mana pekeliling, arahan atau garis panduan.

- 19.2 Tanpa mengambilkira sebarang perbezaan yang kami mungkin nyatakan di dalam polisi ini, sekiranya terdapat perbezaan antara peruntukan-peruntukan polisi ini dengan mana-mana undang-undang, syarat-syarat atau peraturan-peraturan, undang-undang, syarat-syarat atau peraturan-peraturan tersebut akan dikuatkuasakan.
- 19.3 Polisi ini akan tertakluk kepada undang-undang Malaysia. Sebarang pertikaian akan diuruskan oleh mahkamah Malaysia.

20. Mengingkari peruntukan-peruntukan

- 20.1 Jika sesiapa yang terlibat dengan polisi ini mengetahui tentang, atau membenarkan sesiapa mengingkari mana-mana peruntukan polisi ini, ia tidak bermakna peruntukan tersebut tidak boleh dikuatkuasakan pada masa hadapan.
- 20.2 Tanpa mengambilkira peruntukan ini, anda dan kami boleh melaksanakan hak di bawah polisi ini dan memastikan kedua-dua pihak mematuhi semua peruntukan yang ada.

21. Membayar manfaat

- 21.1 Kami akan membayar sebarang manfaat yang perlu dibayar di bawah polisi ini kepada anda. Anda akan mengambilkira pembayaran manfaat untuk amaun yang terhutang oleh orang yang diinsuranskan kepada anda terlebih dahulu. Anda akan membayar manfaat yang berlebihan dari amaun yang terhutang oleh orang yang diinsuranskan, kepada orang yang diinsuranskan jika masih hidup; atau sebaliknya kepada estat orang yang diinsuranskan. Apabila kami berbuat demikian, kami tidak akan mempunyai tanggungjawab undang-undang lain bagi tuntutan atau manfaat yang perlu dibayar di bawah sijil ini.

22. Hak dan kegunaan amaun yang terhutang

- 22.1 Kami mempunyai keutamaan atas sebarang amaun terhutang di bawah sijil insurans.
- 22.2 Kami boleh menggunakan sebarang amaun yang kami terhutang kepada anda (sebagai contoh manfaat) di bawah sijil insurans untuk membayar balik sebarang amaun yang anda terhutang kepada kami (sebagai contoh premium) di bawah sijil insurans.

23. Interpretasi

- 23.1 Di dalam polisi ini, kecuali konteks memerlukan sebaliknya:
- a) tajuk di dalam polisi ini dimasukkan untuk kemudahan sahaja dan tidak memberi kesan ke atas pembentukannya.
 - b) perkataan tunggal hendaklah merangkumi perkataan majmuk dan sebaliknya.
 - c) perkataan yang merujuk kepada jantina hendaklah merangkumi semua jantina.
- 23.2 Setiap peruntukan polisi ini adalah berasingan daripada satu sama lain. Jika mana-mana peruntukan tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, ia tidak akan memberi kesan kepada peruntukan lain.

24. Notis tuntutan

24.1 Jika anda atau wakil anda yang sah membuat tuntutan, anda atau wakil anda yang sah hendaklah memberi notis kepada kami secara bertulis di ibu pejabat kami dalam tempoh 30 hari dari tarikh berlakunya kejadian yang dilindungi.

25. Bukti tuntutan

25.1 Anda atau wakil anda yang sah perlu memberi bukti tuntutan anda dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis diberi kepada kami. Anda atau wakil anda yang sah hendaklah membayar sebarang kos yang terlibat dalam proses ini.

25.2 Kami boleh meminta laporan perubatan atau bukti yang lebih lanjut.

25.3 Sebagai sebahagian daripada memberi kami bukti, kami mungkin memerlukan orang yang diinsuranskan diperiksa oleh pemeriksa perubatan kami. Kami akan membayar untuk pemeriksaan perubatan ini. Kami akan memberitahu orang yang diinsuranskan sekiranya ini diperlukan.

LAMPIRAN CPA003

Peruntukan manfaat – Manfaat kematian

1. Manfaat kematian

- 1.1 Tertakluk kepada peruntukan am, jika, sewaktu sijil insurans ini berkuatkuasa, kami menerima bukti yang memuaskan mengenai kematian orang yang diinsuranskan yang disebabkan oleh apa-apa sebab selain daripada risiko yang dikecualikan seperti yang dinyatakan di bawah, kami akan membayar manfaat insurans sekaligus setakat tarikh kematian orang yang diinsuranskan.
- 1.2 Sijil akan ditamatkan apabila orang yang diinsuranskan meninggal dunia.

2. Risiko yang tidak dilindungi

- 2.1 Kami hanya akan mengembalikan premium dibayar, tanpa faedah dan sijil akan ditamatkan dalam keadaan yang berikut:
 - a) Jika orang yang diinsuranskan meninggal dunia disebabkan bunuh diri (semasa waras atau tidak waras) dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan sijil; atau
 - b) Jika orang yang diinsuranskan meninggal dunia disebabkan keadaan sedia ada dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan sijil.

3. Penamatan manfaat

- 3.1 Manfaat ini akan ditamatkan dalam keadaan terawal yang berikut:
 - a) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat ini;
 - b) Apabila kelayakan orang yang diinsuranskan di bawah polisi ini dihentikan;
 - c) Pada tarikh tamat seperti yang tertera di dalam sijil insurans;
 - d) Atas permintaan orang yang diinsuranskan untuk menyerahkan sijil; atau
 - e) Atas permintaan orang yang diinsuranskan untuk membatalkan sijil.

LAMPIRAN CPA004

Peruntukan manfaat – Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) (pekerjaan sendiri dan seumpamanya)

1. Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal

- 1.1 Tertakluk kepada peruntukan am, jika, sewaktu sijil insurans ini berkuatkuasa, kami menerima bukti yang memuaskan bahawa orang yang diinsuranskan telah mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) yang disebabkan oleh apa-apa sebab selain daripada risiko yang dikecualikan seperti yang dinyatakan di bawah, kami akan membayar manfaat insurans sekaligus setakat tarikh orang yang diinsuranskan mengalami TPD.
- 1.2 Jumlah manfaat TPD maksimum yang dibayar kepada orang yang diinsuranskan di bawah polisi ini dan semua polisi/sijil individu dan berkelompok lain yang kami keluarkan tidak akan melebihi RM2,000,000.
- 1.3 Jika manfaat TPD yang dibayar adalah lebih rendah daripada pengurangan jumlah yang diinsuranskan untuk manfaat kematian, pada tarikh TPD bermula, perlindungan insurans atas kematian akan diteruskan. Kami akan mengurangkan jumlah yang diinsuranskan sepanjang tempoh masa hadapan. Ia akan berkuatkuasa dari tarikh TPD bermula.

2. Takrifan hilang upaya menyeluruh dan kekal (pekerjaan sendiri dan seumpamanya)

- 2.1 Untuk layak menuntut manfaat ini, dua pemeriksa perubatan kami mestilah mempercayai bahawa hilang upaya yang dialami oleh orang yang diinsuranskan dirangkumi di bawah definisi TPD seperti yang dinyatakan berikut:

2.1.1 Jika orang yang diinsuranskan bekerja atau mengendalikan perniagaan sendiri

Jika umur orang yang diinsuranskan di antara 18 dan 65 tahun (termasuk), bekerja untuk mendapat gaji atau mengendalikan perniagaan sendiri, mereka telah hilang upaya menyeluruh dan kekal jika mereka tidak mampu secara menyeluruh dan kekal untuk melakukan tugas, pekerjaan atau profesion yang mana mereka telah dilatih atau layak melakukan berdasarkan latihan, pendidikan atau pengalaman mereka. Hilang upaya ini mestilah berlanjutan selama sekurang-kurangnya 6 bulan.

2.1.2 Jika orang yang diinsuranskan tidak bekerja atau tidak mengendalikan perniagaan sendiri

Jika umur orang yang diinsuranskan di antara 18 dan 65 tahun (termasuk) dan tidak bekerja untuk mendapat gaji atau mengendalikan perniagaan sendiri atau merupakan seorang suri rumah sewaktu mengalami hilang upaya, kami mempertimbangkan TPD sebagai tidak mampu untuk menjalani sekurang-kurangnya 3 daripada 6 aktiviti kehidupan harian (sebagaimana dinyatakan di bawah) tanpa bantuan orang lain. Hilang upaya ini mestilah berlanjutan selama sekurang-kurangnya 6 bulan.

- a) Beralih – Bangun atau duduk dari kerusi tanpa bantuan;
- b) Bergerak – Keupayaan untuk bergerak dari bilik ke bilik yang lain tanpa bantuan;
- c) Membuang air – Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara semula jadi;
- d) Berpakaian – Memakai dan menanggalkan semua pakaian yang perlu tanpa bantuan;

- e) Mandi dan membersihkan diri – Keupayaan untuk membersihkan diri dalam bilik mandi atau bilik air (termasuk masuk atau keluar dari bilik mandi atau bilik air) atau membersihkan dengan sebarang cara lain; atau
- f) Makan – Semua cara untuk memasukkan makanan ke dalam badan apabila ia telah disediakan.

2.1.3 TPD untuk klausa ini juga merangkumi yang berikut:

- a) Kehilangan penglihatan menyeluruh dan kekal pada kedua-dua mata;
- b) Kehilangan 2 anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau kaki;
- c) Kehilangan penglihatan menyeluruh dan kekal pada 1 mata dan kehilangan 1 anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau kaki; atau
- d) Lumpuh secara menyeluruh dan kekal.

3. Risiko yang tidak dilindungi

3.1 Kami tidak akan membayar manfaat sekiranya TPD adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung, atau akibat daripada yang berikut:

- a) Mogok, rusuhan, kekacauan awam, pemberontakan, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak);
- b) Berada di bawah pengaruh minuman keras, bahan yang memabukkan atau sebarang narkotik atau dadah;
- c) Percubaan membunuh diri (semasa waras atau tidak waras), perbuatan tidak bermoral atau kecederaan sengaja ke atas diri sendiri (semasa waras atau tidak waras);
- d) Memasuki, mengendali atau menyelenggara, naik atau turun dari atau dengan menggunakan apa-apa peranti atau pengangkutan udara melainkan ketika orang yang diinsuranskan itu berada dalam sesebuah pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan penumpang komersial yang dalam perjalanan tetap berjadual membawa penumpang menggunakan laluan penumpangnya yang telah ditetapkan;
- e) Terlibat dalam pelanggaran undang-undang (kecuali sebagai pihak yang tidak bersalah) atau menjadi ahli mana-mana organisasi haram;
- f) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kompleks/keadaan yang berkaitan; atau
- g) Keadaan sedia ada dalam tempoh 12 bulan pertama dari tarikh permulaan sijil.

4. Notis tuntutan

4.1 Kami mestilah menerima tuntutan secara bertulis:

- a) di ibu pejabat kami;
- b) semasa orang yang diinsuranskan masih hidup;

- c) semasa orang yang diinsuranskan mengalami hilang upaya; dan
- d) dalam masa 30 hari selepas hilang upaya bermula.

5. Bukti ketidakupayaan

- 5.1 Anda mesti memberi bukti TPD kepada kami sebelum kami mempertimbangkan tuntutan ini. Anda mesti membayar sebarang kos yang berkenaan dengan ini.
- 5.2 Kami tidak akan mempertimbangkan sebarang ketidakupayaan yang berlangsung kurang daripada 6 bulan.
- 5.3 Kami mungkin akan meminta bukti bahawa TPD adalah menyeluruh dan kekal. Kami boleh melakukan ini pada jangka masa yang munasabah.
- 5.4 Sebagai sebahagian daripada memberi bukti kepada kami, kami mungkin memerlukan orang yang diinsuranskan diperiksa oleh pemeriksa perubatan kami. Kami akan membayar untuk pemeriksaan perubatan ini. Kami akan memberitahu orang yang diinsuranskan jika ini diperlukan.

6. Penamatan manfaat

- 6.1 Manfaat ini akan ditamatkan dalam keadaan terawal yang berikut:
 - a) Apabila orang yang diinsuranskan meninggal dunia;
 - b) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat ini, jika ia adalah sama dengan pengurangan jumlah yang diinsuranskan bagi manfaat kematian. Sekiranya manfaat TPD yang perlu dibayar kurang daripada pengurangan jumlah yang diinsuranskan, sijil tidak akan tamat tetapi perlindungan kematian akan diteruskan;
 - c) Apabila kelayakan orang yang diinsuranskan di bawah polisi ini dihentikan;
 - d) Pada tarikh tamat seperti yang tertera di dalam sijil insurans;
 - e) Atas permintaan orang yang diinsuranskan untuk menyerahkan sijil;
 - f) Atas permintaan orang yang diinsuranskan untuk membatalkan sijil; atau
 - g) Pada ulang tahun bulanan sijil sejurus selepas hari lahir ke-65 orang yang diinsuranskan.

LAMPIRAN CPA005

Lampiran – Formula pengurangan jumlah yang diinsuranskan

$$RSA(t) = SA \times \left[\left(1 + il \times \left(\frac{n}{12} \right) - P(t) - R(t) \right) \right]$$

di mana:

$$i) \quad P(t) = \frac{\left(1 + il \times \left(\frac{n}{12} \right) \right)}{n} \times (t-1)$$

$$ii) \quad R(t) = \left(\frac{(n - (t-1)) \times (n + 1 - (t-1))}{n \times (n+1)} \right) \times il \times \left(\frac{n}{12} \right)$$

Definisi:

n	=	tempoh bayaran bulanan
il	=	kadar faedah pinjaman
SA	=	jumlah awal pinjaman
$RSA(t)$	=	pengurangan jumlah yang diinsuranskan pada bulan t
t	=	tempoh pangkas bulanan
$P(t)$	=	jumlah bayaran bulanan pada bulan t
$R(t)$	=	faktor rebat pada bulan t